

10/06/1999

Gus Dur yakin atasi Megawati

Johari Mohd in Jakarta

JAKARTA, Rabu - Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) meramalkan akan memenangi pilihan raya umum kali ini dengan mengatasi Parti Demokratik Indonesia-Perjuangan (PDI-P) dalam jumlah pungutan undi.

Pengasasnya, Abdul Rahman `Gus Dur' Wahid, berkata keyakinan itu berdasarkan banyak kawasan yang menjadi kubu kuat parti itu belum diterima jumlah undinya.

"Lihat saja nanti, PKB akan mengatasi PDI-P dan sekali gus memenangi pilihan raya umum kali ini," katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

PKB kini menduduki tempat kedua di belakang PDI-P pimpinan Megawati Sukarnoputri.

Gus Dur tidak terkejut dengan sokongan pengundi kerana mereka percaya parti itu tidak akan mengetepikan kepentingan Islam.

"Walaupun perjuangan kami berasaskan pancasila, tetapi umat Islam tahu kami akan tetap memperjuangkan Islam.

"Sebab itu, sokongan terhadap parti Islam merosot," katanya.

Beliau mengambil contoh Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak pernah mengabaikan kepentingan Islam.

Sebab itu, Pas dikatakan gagal memerintah negara berkenaan kerana umat Islam tahu kepentingan mereka tetap diberi keutamaan.

Beliau juga menilai kesepakatan dengan PDI-P sedikit sebanyak membantu menarik pengundi untuk memilih parti berkenaan.

Pengundi melihat gabungan kedua-dua parti itu boleh membawa kepada kemajuan Indonesia secara keseluruhan.

Mengenai Golkar, Gus Dur berpendapat, parti itu sukar memenangi pilihan raya kali ini kerana jelas rakyat menolak mereka.

"Cukuplah dengan kuasa selama 32 tahun. Beri peluang kepada parti lain pula untuk memerintah," katanya.

(END)